



27 JAN, 2023

Polis serbu 'lombong' bitcoin di Sitiawan

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

SAMBUNGAN HARAM ELEKTRIK

Polis serbu 'lombong' bitcoin di Sitiawan

Ipoh: Polis menyerbu sebuah premis di sekitar Sitiawan, dekat sini, kelmarin yang disyaki membuat penyambungan haram bekalan elektrik dan menjalankan aktiviti perlombongan mesin bitcoin membabitkan kerugian hampir RM20,000.

Ketua Polis Daerah Manjung Asisten Komisioner Nor Omar Sappi berkata, serbuan pada jam 9.30 malam itu dilakukan dengan kerjasama juruteknik khas Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan berjaya merampas 36 mesin bitcoin yang disyaki terbabit dalam kegiatan mencuri elektrik di daerah Manjung.

"Kita sudah buka kertas siasatan di bawah Seksyen 427 Kanun Keseksaan dan 37(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 untuk siasatan oleh polis," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, pihaknya membuka satu kertas siasatan berhubung insiden pembakaran mercun dan bunga api secara besar-besaran di Simpanang Pulai yang tular di media sosial Facebook.

Beliau berkata, video berdurasi 13 minit 46 saat itu tular hingga menarik perhatian umum apabila kejadian dilakukan di atas jalan raya.

"Semakan pihak polis mendapati kejadian berlaku pada 8 malam, 23 Januari lalu di Kampung Baru Simpanang Pulai dan satu laporan polis dibuat berhubung insiden terbabit," katanya.

Menurut Yahaya kes disiasat mengikut Seksyen 7 Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 207) dan Seksyen 286 Kanun Keseksaan.